

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 25/08/2017 |

Dr Mahathir mohon hadir beri keterangan

BH - 25/8/2017 pg. 4

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa memiliki banyak maklumat berhubung urusan niaga mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar tahun 1990-an.

Dr Mahathir yang hadir pada prosiding Suruhanjaya Siasatan Bagi Menyasat Kerugian Urus Niaga Mata Wang Asing Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1990-an di sini, semalam, berkata peguamnya sudah memohon supaya beliau hadir memberi keterangan.

"Saya mengakui mempunyai banyak maklumat, mungkin suruhanjaya ini berminat untuk mengetahui apa yang saya tahu.

Perlu ikut prosedur

"Suruhanjaya itu berkait dengan imej Diraja dan kedudukan pemerintah. Oleh itu, ia perlu mengikuti peraturan serta prosedur yang tidak menjejaskan imej Diraja terutama Yang di-Pertuan Agong," katanya ketika ditemui media di luar Istana Kehakiman di sini.

Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau juga bersedia mendedahkan bukti berhubung insiden tragedi Memali yang mengorbankan 14 penduduk kampung dan empat anggota keselamatan, pada tahun 1985.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, bukti itu hanya akan didedahkan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCJ) jika kerajaan memutuskan untuk menubuhkannya.

"Ya, pada ketika itu saya adalah Perdana Menteri dan Tan Sri Musa Hitam memangku jawatan Perdana Menteri, oleh itu saya mempunyai bukti," katanya.



Ya, pada ketika itu saya adalah Perdana Menteri dan Tan Sri Musa Hitam memangku jawatan Perdana Menteri, oleh itu saya mempunyai bukti"

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri